



TAWARAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN
SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPAN KEKAL BUKIT KERAJAAN, DAERAH
TIMUR LAUT 15,000 METER , KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG
PAPAN TANDA HUTAN SIMPAN DAN MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK
MERAWAN SIPUT JANTAN (*Hopea odorata*) DI SEPANJANG SEMPADAN.**

SEBUT HARGA: JPNPP/400-17/2022/19

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PULAU PINANG**

Dokumen Sebutharga ini mengandungi **33** muka surat termasuk lampiran. Pastikan bilangan muka surat adalah mencukupi sebelum anda meninggalkan pejabat ini.

KENYATAAN SEBUT HARGA

(Kew.248)

LAMPIRAN ' Q ' KERAJAAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

SEBUT HARGA NO: JPNPP/400-17/2022/19

(Arahan Perbendaharaan No: 107)

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN

Kepada :

.....
.....
.....
.....
.....

Pelawaan Sebut harga
dikeluarkan oleh:
JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

1. Sila beri sebut harga bagi perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat serahan: Apabila kerja siap mengikut spesifikasi atau diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan / sempurnakan: Secepat mungkin.
4. Pengirim: Alamatkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Tingkat 34 Menara Komtar, 10000 Pulau Pinang.
5. Pembayaran: Melalui Inden Kerja.
6. Sebut harga mestilah sampai di alamat di atas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **25/04/2022 (ISNIN)** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas itu.
7. Sebut harga mestilah dimasukan dalam sampul surat berlakri ditanda "Sebut harga no. **JPNPP/400-17/2022/19**

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

Sebut harga Untuk :

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN
SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPAN KEKAL BUKIT KERAJAAN,
DAERAH TIMUR LAUT 15,000 METER, KERJA-KERJA MEMBEKAL
DAN MEMASANG PAPAN TANDA HUTAN SIMPAN DAN MEMBEKAL
DAN MENANAM POKOK MERAWAN SIPUT JANTAN (*Hopea odorata*)
DI SEPANJANG SEMPADAN.**

Sebut harga No : **JPNPP/400-17/2022/19**

Kami/saya dengan ini menawarkan perkhidmatan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan harga seperti berikut:

| BIL | SPESIFIKASI KERJA | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|-----|---|---------------------|------------------|-------------|
| 1 | <p>KERJA-KERJA PENANDAAN TIGA GELANG CAT MERAH KELARIAN SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) @ KM</p> <p>a) Semua batu sempadan yang dapat dikesan hendaklah ditanda dengan cat merah di sebelah atasnya serta pancang batu sempadan. Kedudukan batu sempadan hendaklah dicatat bacaan GPS di dalam Pelan. Manakala bagi batu sempadan yang tidak dapat dikesan hendaklah ditanda dengan paip PVC bersaiz 50mm diameter kelas 6 berwarna putih setinggi 1.0 m dan dicat dengan warna merah di sebelah atasnya. spesifikasi adalah seperti di Lampiran 1</p> <p>b) Pihak kontraktor perlu menanda sempadan dengan tiga (3) gelangan cat bewarna merah pada pokok sepanjang kelarian sempadan dengan jarak tidak melebihi 10 meter antara satu sama lain. Saiz gelangan hendaklah sekurang-kurangnya 5cm lebar. Gelangan pertama hendaklah 1.3m dari aras tanah.</p> | 15,000 meter | | |

| BIL | SPESIFIKASI KERJA | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|-----|--|--------------|------------------|-------------|
| | <p>c) Pemilihan pokok sempadan yang akan dicat hendaklah berukuran sekurang-kurangnya 10cm perepang dan sebaik-baiknya dipilih dari spesis pokok yang tidak bergetah atau berduri.</p> <p>d) Bagi sempadan yang tidak ada pokok (kawasan lapang) hendaklah ditanda dengan tiang paip PVC bersaiz 50mm diameter kelas 6 berwarna putih tinggi 1.5m berjarak 20 meter. Spesifikasi adalah seperti di Lampiran 1</p> | | | |
| 2 | <p>KERJA-KERJA MERINTIS DAN MENCUCI SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPAN KEKAL</p> <p>a) Pihak kontraktor dikehendaki mencuci dan membersih selebar 2 meter di kiri dan kanan garisan sempadan. Pokok berdiameter 5cm ke bawah dipotong seberapa rapat ke tanah (kecuali pokok buah-buahan) dan membersih segala reba atau sisa potongan.</p> <p>b) Sekiranya sempadan luar HSK bersempadan dengan tanah berimilik pembersihan perlu dibuat selebar 2meter ke dalam HSK sahaja.</p> <p>c) Sempadan yang dicuci hendaklah bersih dan dahan/ ranting yang telah dipotong/ ditebang hendaklah dibuang di luar kelarian sempadan.</p> | 15,000 meter | | |
| 3 | <p>KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PLET SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPAN KEKAL</p> <p>a) Pihak kontraktor dikehendaki membekal dan memasang Plet HSK serta dilekatkan pada pokok di sepanjang kelarian sempadan tersebut.</p> <p>i) HSK Bukit Kerajaan (8,010.21 meter)</p> | 150 Unit | | |

| BIL | SPESIFIKASI KERJA | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|-----|--|--------------------|------------------|-------------|
| | <p>Plet HSK hendaklah diperbuat daripada kepingan logam, sebaik-baiknya aluminium, berukuran sekurang-kurangnya 60cm x 75cm yang dicat kuning dan ditulis huruf timbul berwarna hitam bersaiz sekurang-kurangnya 11cm x 5cm bagi nama HSK. Contoh plet HSK adalah seperti di Lampiran 2.</p> <p>d) Plet ini perlu dipaku pada batang pokok di kedudukan yang agak tinggi supaya tidak diganggu dan dirosakkan. Pokok yang dipilih hendaklah jelas dan mudah dilihat.</p> <p>e) Setiap Plet HSK dipasang pada jarak tidak melebihi 100 meter sepanjang sempadan. Walau bagaimanapun, bagi kawasan yang bersempadan dengan tanah berimilik dan kawasan petempatan, plet HSK hendaklah dipasang pada jarak 50 meter. Selain daripada itu, plet ini hendaklah juga dipasang di setiap permulaan jalan masuk ke HSK.</p> | | | |
| 4 | <p>KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK MERAWAN SIPUT JANTAN</p> <p>Kontraktor dikehendaki membekal dan menanam pokok dari spesies Merawan Siput Jantan di sepanjang sempadan Hutan Simpan Kekal. Jumlah pokok dan spesifikasi adalah seperti di Lampiran 3 dan Lampiran 4.</p> | 3,750 pokok | | |
| 5 | PENYEDIAAN LAPORAN BERGAMBAR SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS (Hardcopy dan Softcopy) | PUKAL | | |

| BIL | SPESIFIKASI KERJA | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|-----|---|--------------|------------------|-------------|
| 6 | <p>PENYEDIAAN PELAN</p> <p>Menyediakan pelan sempadan Hutan Simpan Kekal berdasarkan kerja-kerja penyelenggaraan sempadan yang dibuat</p> <p>(Pelan perlu disahkan oleh Jurukur Berlesen)</p> | 5 Set | | |
| 7 | <p>MENYEDIAKAN INSURAN BERKAITAN DENGAN KERJA SEPERTI BERIKUT: -</p> <p>a) Insuran Pampasan Pekerja (Workmen Compensation dan / atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerja.</p> <p>b) Insuran Liability Awam dan / atau Insuran Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebut Harga)</p> | PUKAL | | |
| | JUMLAH BESAR | | | |

JUMLAH KESELURUHAN:

RINGGIT MALAYSIA :

TEMPOH SIAP KERJA : **MINGGU**

.....

Tandatangan

Metri atau Cop Syarikat

Lampiran 1



LAMPIRAN 3

SPESIFIKASI PEMILIHAN DAN PENANAMAN POKOK

- I. Pokok seperti di Lampiran 4 perlu disediakan oleh pihak kontraktor.
- II. Anak-anak pokok yang perlu dibekalkan adalah berdasarkan kriteria berikut:-
 - Subur dan tiada tanda-tanda kekurangan zat makanan.
 - Pucuk sihat dan tidak patah.
 - Tiada tanda atau kesan serangan penyakit atau serangga perosak.
 - Saiz anak pokok adalah 1.5 kaki hingga 3.0 kaki tinggi.
 - Perlu disahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- III. Jarak antara tanaman adalah **4mx4m** yang akan ditentukan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- IV. Kedudukan lubang-lubang tanaman hendaklah berada di atas sempadan dan ditanda dengan kayu pancang.
- V. Lubang tanaman hanya akan dibuat semasa kerja-kerja penanaman anak pokok dilakukan.
- VI. Lubang tanaman perlu digali mengikut saiz tabung.
- VII. Sebelum proses penanaman dijalankan, tabung plastik hendaklah dibuka dengan menggunakan pisau dan pastikan tanah tabung tidak hancur.
- VIII. Tanah di atas permukaan hendaklah dipadatkan untuk memastikan akar bersentuhan rapat dengan tanah dan anak pokok tidak terganggu dengan pengaliran air permukaan.

Lampiran 4

SENARAI POKOK YANG PERLU DIBEKAL DAN DITANAM OLEH PIHAK KONTRAKTOR

| BIL | NAMA SPESIES POKOK | LOKASI | PERIMETER (meter) | BILANGAN POKOK |
|------------|---------------------------|--------------------|------------------------------|---------------------------|
| 1. | Merawan Siput Jantan | HSK Bukit Kerajaan | 15,000 | 3,750 |

Perimeter(m) bahagi jarak (4m) = jumlah pokok

Plet Luar Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal

1. Penandaan sempadan dibuat dengan menanda tiga (3) gelangan cat berwarna merah pada pokok atau pancang berjarak tidak melebihi 10m di antara satu dengan lain di sepanjang kelarian sempadan.
2. Plet HSK hendaklah dilekatkan pada pokok di sepanjang kelarian sempadan tersebut.
3. Plet HSK hendaklah diperbuat daripada kepingan logam iaitu aluminium, berukuran sekurang-kurangnya 60cm x 75cm yang **dicat kuning** dan ditulis **huruf timbul berwarna hitam** bersaiz sekurang-kurangnya 11cm x 5cm bagi nama HSK. Contoh plet HSK adalah seperti di **Rajah 1**.
4. Plet ini perlu dipaku pada batang pokok di kedudukan yang agak tinggi supaya tidak diganggu dan dirosakkan. Pokok yang dipilih hendaklah jelas dan mudah dilihat.
5. Setiap Plet HSK dipasang pada jarak tidak melebihi 100 meter sepanjang sempadan. Walau bagaimanapun, bagi kawasan yang bersempadan dengan tanah berimilik dan kawasan petempatan, plet HSK hendaklah dipasang pada jarak 50 meter. Selain daripada itu, plet ini hendaklah juga dipasang di setiap permulaan jalan masuk ke HSK.

RAJAH 1

CONTOH PLET
SEMPADAN HUTAN SIMPANAN KEKAL



LAMPIRAN A

1.0 TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR.

- 1.1 Pihak kontraktor dikehendaki mempunyai pekerja yang berumur 18 tahun ke atas dan pekerja ini perlu dilindungi oleh insuran pekerja.
- 1.2 Pihak kontraktor menyediakan semua peralatan kerja dan pengangkutan yang mencukupi dan sempurna bagi pekerja dan tanggungan oleh kontraktor sendiri.
- 1.3 Pihak kontraktor (termasuk pekerja) dilarang merosakkan isi kandungan hutan dari yang diterangkan, membakar atau menyebabkan kabakaran, mencemarkan pengairan sungai dan sebagainya. Sabit kesalahan tindakan boleh diambil ke atas pemberong (termasuk pekerja) mengikut undang-undang atau boleh dikenakan denda ganti rugi.
- 1.4 Pihak kontraktor dikehendaki hadir semasa pemeriksaan / penilaian kerja yang dijalankan oleh pihak jabatan.
- 1.5 Pihak kontraktor hendaklah menyiapkan kerja-kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan seperimana dalam surat tawaran.
- 1.6 Pihak kontraktor mestilah memahami kerja-kerja terlibat dengan sepenuhnya sebelum memasuki sebut harga ini. Sebarang tuntutan lebih kerana kurang faham dalam kerja-kerja ini tidak akan dilayan.
- 1.7 Pihak kontraktor mestilah bertanggungjawab di atas segala kerosakan yang berlaku semasa kerja-kerja dijalankan.
- 1.8 Tempoh siap kerja yang dimasukkan dalam borang sebut harga mestilah dipatuhi. Sekiranya pihak kontraktor gagal menjalankan dan menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut, maka jabatan ini berhak menarik balik sebut harga tersebut tanpa membuat apa-apa bayaran gantirugi.
- 1.9 Pihak kontraktor hendaklah mematuhi segala arahan Pegawai Pengguna berkenaan kerja ini. Sebarang masalah/kemusykilan yang timbul semasa menjalankan kerja ini hendaklah dirujuk kepada Pegawai Pengawas berkenaan.
- 1.10 Pemberong dikehendaki menghubungi Pegawai Renj berkaitan sebelum memulakan kerja.

2.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

2.1 Kawasan lapang, resam dan lalang:

Pasang tiang batu/stesen sempadan, tiang menanda sempadan dan tiang memasang plet HSK.

2.2 Kawasan berbatu besar:

Bagi kawasan berbatu besar yang 2meter tinggi hendaklah ditanda dengan cat merah mengikut arah kelarian sempadan.

2.3 Kawasan sungai:

Jika sempadan itu mengikut sungai, semua kerja dalam spesifikasi mesti dijalankan. Hanya aliran sempadan tidak perlu ditanda dengan tiang tanda sempadan tetapi ia mesti ditanda dengan cat merah seperti 3(b). Pihak kontraktor juga dikehendaki membuang semua dahan pokok yang menaungi sungai.

3.0 LANJUTAN TEMPOH KONTRAK.

- 3.1 Lanjutan tempoh kontrak hanya boleh dilakukan apabila pihak Jabatan Perhutanan berpuas hati sebab-sebab yang diberikan munasabah dan memerlukan lanjutan masa untuk kerja disiapkan.
- 3.2 Permohonan untuk melanjutkan tempoh kontrak perlu dibuat selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tamat tempoh kontrak. Permohonan yang lewat diterima daripada tempoh yang ditetapkan, tidak akan dipertimbangkan.

4.0 TANGGUNGJAWAB JABATAN

- 4.1 Pelan kawasan kerja (skala 1:50,000) disediakan oleh pihak jabatan.
- 4.2 Penyeliaan, pengawasan dan penilaian kerja akan dijalankan oleh pihak jabatan dari masa ke semasa.
- 4.3 Arahan secara bertulis atau lisan mengenai peraturan dan pelaksanaan kerja akan diberikan setiap kali lawatan dibuat.

5.0 DENDA

Denda sebanyak RM25 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Lima) sehari akan dikenakan jika kerja tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

6.0 PEMBAYARAN

Pembayaran hanya boleh dibuat setelah pihak jabatan berpuas hati terhadap kerja yang diselesaikan dengan sepenuhnya. Pemeriksaan akhir akan dijalankan selepas satu (1) minggu selepas kerja disiapkan dan pembayaran akan dibuat mengikut kemajuan kerja.

7.0 PEGAWAI PENYELIA

Pegawai penyelia bagi kerja-kerja ini adalah Pegawai Hutan Daerah.

8.0 PEGAWAI PENGUASA

Pegawai Penguasa ialah Pengarah Perhutanan Negeri

9.0 MENGULANG KERJA

Pihak kontraktor dikehendaki mengulang kerja-kerja mencuci sempadan luar yang dilaksanakan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam tawaran/sebutuharga ini. Jika didapati kerja-kerja tawaran/sebutuharga ini tidak dilaksanakan dengan memuaskan, pihak jabatan akan mengambil tindakan membatalkan tawaran tersebut.

SYARAT-SYARAT KONTRAK.

- 1.0 Denda.
Denda kelewatian Siap Kerja sebanyak RM25.00 / hari boleh dikenakan.
- 2.0 Sebelum Inden Kerja dikeluarkan, pemborong adalah dikehendaki mengemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri perkara-perkara berikut:

| Polisi – Polisi | Nilai |
|------------------------|--|
| i. Insuran Kerja | 100% dari harga sebutuharga |
| ii. Pampasan Pekerja | 30% dari harga sebutuharga |
| iii. Pampasan Am dan | RM10,000 untuk harga sebutuharga yang tidak melebihi RM25,000 dan RM25,000 untuk harga sebutuharga diantara RM25,000 hingga RM50,000. |

- 3.0 Kuantiti yang ditunjukkan adalah sebagai panduan sahaja. Kerajaan berhak menambah atau mengurangkan mengikut kadarnya bagi tujuan sebutuharga ini.
- 4.0 Pemborong mestilah memasukkan kadar harga pada tiap-tiap butiran. Jika tidak sebutuharga dari pemborong berkenaan akan ditolak.

- 5.0 Pemborong yang **enggan** menandatangani sesuatu sebutharga selepas sebutharganya diterima atau **menarik balik** sebutharganya sebelum sesuatu tawaran diumumkan, **pendaftaran akan digantung**.
- 6.0 Sekiranya pemborong **gagal** melaksanakan mana-mana kerja yang telah digariskan di dalam spesifikasi kerja, Jabatan Perhutanan berhak untuk **memotong bayaran** mengikut kadar seperti di dalam harga yang telah disebutkan.
- 7.0 Sekiranya pihak jabatan **tidak berpuashati** di atas kerja-kerja yang telah dijalankan, jabatan boleh **membatalkan** tawarannya atau kontrak yang telah dikeluarkan

Saya yang bertandatangan dibawah dengan ini faham dan bersetuju menerima syarat-syarat / spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di atas.

.....
(Tandatangan kontraktor)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

LAMPIRAN A1
(*SAP bertarikh 1 April 2010*)

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi

(JPNPP/400-17/2022/19):

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN
SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPAN KEKAL BUKIT KERAJAAN, DAERAH TIMUR LAUT
15,000 METER, KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA HUTAN
SIMPAN DAN MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK MERAWAN SIPUT JANTAN (*Hopea
odorata*) DI SEPANJANG SEMPADAN.**

Saya,..... nombor
K.P..... yang mewakili
..... nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah
kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana
individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas. Bersama-
sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas
untuk membuat pengisyiharan ini.

a) Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau
Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti
di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

1. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; atau
 2. penamatkan kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; dan
 3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.
2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
manा individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/
sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan
tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang
berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya: -

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **JPNPP/400-17/2022/19** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi**10....minggu.**

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM 10.00** (Ringgit Malaysia: **Sepuluh** sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebutharga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebutharganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

-
- * Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga
 - * Pengiraan harga dokumen sebutharga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

LAMPIRAN A2

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjelas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja *(sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Pendaftaran dengan PERKESO

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 diatas,hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling,undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

↗ *Potong jika tidak diperlukan*

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasilkerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasian harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut (perenggan 7.4) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelaskan menjelaskan antara satusama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sejawarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhan sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah;
- (e) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakurkan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji- loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkinkelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa juga kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhananya dengan syarat-syarat ini.

LAMPIRAN A3

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil **JPNPP/400-17/2022/19**

JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Tuan,

Sebut harga untuk

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada haribulan..... 20.....

Tandatangan Kontraktor

Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

Atas sifat:.....

Meterai atau Cap Kontraktor

LAMPIRAN A4

Sebut harga

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

| Bil. | Huraian Kerja | Jumlah Harga Pukal (RM) |
|-------------------------------------|---------------|-------------------------|
| | | |
| Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga | | |

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

Kontraktor mesti memberikan maklumat sepenuhnya diborang Bahagian A, B, & C ini. Jika tidak mereka dianggap menyalahi syarat-syarat sebutharga.

Bahagian A

1. Nama :
2. Alamat :
3. Kelas : Tajuk/Tajuk Kecil: Tarikh Didaftar
.....
4. Ahli-ahli Pengurusan:
.....

| Nama | Jawatan | Kelulusan/Akademik/Iktisas |
|------|---------|----------------------------|
| | | |

BAHAGIAN B

Senaraikan tiga kerja-kerja yang TELAH disiapkan.

| Nama Projek | Agensi yang mengawasi projek | Harga (RM) | Tempoh | Tarikh siap sebenar |
|-------------|------------------------------|------------|--------|---------------------|
| | | | | |

BAHAGIAN C

Senaraikan tiga kerja-kerja yang SEDANG disiapkan.

| Nama Projek | Agensi yang mengawasi projek | Harga (RM) | Tempoh | % Kemajuan semasa |
|-------------|------------------------------|------------|--------|-------------------|
| | | | | |

LAMPIRAN B**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**Sila tandakan Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

| Bil | Perkara/Dokumen | Untuk Di tanda Oleh syarikat | Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga |
|------------|---|---|---|
| 1. | Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. | Salinan Sijil Akuan Bumiputra Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. | Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. | Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6. | Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7. | Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8. | Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 9. | Borang Maklumat Penyebut harga | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 10. | Pematuhan Kepada spesifikasi | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 11. | Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 12. | Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 13. | Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

| Bil | Perkara/Dokumen | Untuk Di tanda Oleh syarikat | Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga |
|------------|---|---|---|
| 14. | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Jun, Julai & Ogos) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 15. | Surat Akuan Pembida | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 16. | Lain-lain Sekiranya Ada | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

| | |
|--|---|
| <p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> | <p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> |
|--|---|

KENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG
BIL. SEBUT HARGA: JPNPP/400-17/2022/19

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **KOD BIDANG PENDAFTARAN 222104 (Pertanian/Tanaman/Ladang/Taman/Hutan Ladang Hutan) DAN 222105 (Rawatan Hutan) DAN 070201(Tanaman/Baka/Benih Semaian)** dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-

| No. Sebutharga | Perihal Kerja : |
|-----------------------------|--|
| JPNPP/400-17/2022/19 | SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SEMPADAN LUAR HUTAN SIMPAN KEKAL BUKIT KERAJAAN, DAERAH TIMUR LAUT 15,000 METER , KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA HUTAN SIMPAN DAN MEMBEKAL DAN MENANAM POKOK MERAWAN SIPUT JANTAN (<i>Hopea odorata</i>) DI SEPANJANG SEMPADAN. |

2. Dokumen-dokumen sebut harga boleh disemak pada waktu pejabat di Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang Tingkat 34, MENARA KOMTAR, Pulau Pinang dari **11 APRIL 2022**
3. Kontraktor-kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri satu lawatan tapak pada **18 APRIL 2022**. Kontraktor – kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **PEJABAT HUTAN DAERAH BARAT DAYA, TAMAN RIMBA TELOK BAHANG PULAU PINANG, JAM 10.00 PAGI** pada hari tersebut.
4. Borang sebut harga akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah dikehendaki mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra. Sebarang **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikemukakan tidak akan dilayan.
5. Lawatan tapak hendaklah dihadiri sendiri oleh pemilik syarikat berkenaan dan bukan diwakilkan dengan mengemukakan salinan sijil asal.
6. Borang sebut harga boleh dibeli melalui Laman Web <http://ep.penang.gov.my> dengan senaskah berharga **RM 10.00** (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja) mulai **18 APRIL 2022**
7. Sebut harga ini akan ditutup pada **25 APRIL 2022**. Borang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga di Tingkat 34, Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang, sebelum **JAM 12.00 Tengahari**.
8. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga.

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PULAU PINANG**

Tarikh: 18 APRIL 2022

- 1) Kontraktor/penyebut harga perlu mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia atas pemakaian penutup hidung dan muka (face mask) dan menggunakan pembersih tangan (hand sanitizer) ;**
- 2) Penjaraikan sosial perlu dipatuhi setiap masa.**

